

KAJIAN TERHADAP SUMBER RUJUKAN DALAM KARYA-KARYA NASR HAMID ABU ZAYD

Nur Zainatul Nadra Binti Zainol¹
Universiti Tun Hussein Onn

Latifah Binti Abdul Majid²
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Nasr Hamid Abu Zayd dikenali sebagai seorang tokoh yang lantang mengkritik al-Quran pada abad ini. Beliau mempunyai metode yang tersendiri ketika mentafsir al-Quran iaitu mengaplikasi hermeneutic dengan menerapkan elemen humanistic. Idea ini telah mencetuskan kontroversi di Mesir sehingga dilemparkan pertuduhan murtad keatasnya. Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan karya-karya Abu Zayd; sumber rujukan karya serta analisis pendapat sarjana tentang pemikiran beliau. Artikel ini adalah kajian kualitatif. Kaedah pengumpulan data menggunakan metode analisis kandungan yang terdiri daripada karya-karya Abu Zayd. Manakala analisis data menggunakan kaedah diskriptif dan perbandingan berterusan. Hasil kajian menunjukkan, Abu Zayd mengkritik kitab-kitab turath terutamanya dalam kaedah pentafsiran. Beliau lebih cenderung kepada rujukan sarjana barat khususnya dalam aplikasi metode hermeneutik. Justeru, ulama telah mengklasifikasikan pentafsiran Abu Zayd termasuk dalam tafsir mazmum (tercela). Implikasi kajian ini dapat menjelaskan tentang Abu Zayd seorang pemikir moden yang telah menghasilkan karya untuk mengkritik al-Quran. Malah karya beliau merujuk sumber daripada tokoh-tokoh Barat.

Kata Kunci: *Kajian Tokoh; Pemikir Moden; Analisis kandungan; Sumber Rujukan; Karya-karya*

Pengenalan

Nama penuh Abu Zayd adalah Nasr bin Hamid, manakala *kunyahnya* adalah Abu Zayd (Navid Kermani 1996:169; Fauzi M. Najjar 2000: 177; Geoges Tamer 2011: 193), beliau telah dilahirkan pada 10 Jun 1943 di Kampung Qahafa; yang merupakan sebuah desa kecil yang terletak dalam kawasan Lembah Nil; berhampiran daerah Tanta terletak kira-kira 90km daripada bandar Kaherah dan 120km daripada Alexandria, Mesir (Nur Zainatul 2014). Sebagai anak lelaki tertua dalam keluarga, beliau banyak menghabiskan waktu dengan menolong bapanya di kedai. Pada masa yang sama, beliau sering bergaul dengan rakan bapanya dan orang yang lebih dewasa daripada umurnya sehingga menjadikan pemikiran beliau menjangkau usianya (Abu Zayd & Esther 2004: 21). Keadaan keluarga

¹ Pensyarah Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, 86200, BatuPahat, Johor. +6017-2380438, nadra@uthm.edu.my

² Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, umlm@yahoo.uk

menunjukkan bahawa Abu Zayd termasuk dalam kalangan keluarga kelas bawahan dan beliau berusaha untuk membantu keluarganya mencari rezeki sejak kecil.

Menurut Abu Zayd (2004: 38) beliau mempunyai enam orang adik beradik iaitu, seorang kakak bernama Badriyya, seorang abang dan empat orang adik; dua orang adik perempuan Karima dan Ayat, serta dua orang adik lelaki yang bernama Muhammad dan Osama. Setelah kematian bapa ketika berusia empat belas tahun, beliau menjadi ketua keluarga dan beliau menjadi harapan keluarga dalam menyara dan menjaga adik-adiknya.

a) Latar belakang pendidikan

Abu Zayd telah mula belajar pendidikan formal ketika berusia lima tahun dengan memasuki *kuttab* (merupakan sekolah sistem tradisional yang memberi tumpuan kepada subjek-subjek agama seperti pembacaan dan penghafalan al-Quran, Ibadah dan Tauhid). Semasa di *kuttab*, beliau mempelajari al-Quran, membaca, menulis dan mengira ilmu asas matematik. Beliau berpendapat pendidikan awalnya lebih tertumpu kepada hafalan al-Quran (Abu Zayd & Esther 2004: 18). Sementara bagi pendidikan tinggi, menurut Navid Kermani (1996: 170) Abu Zayd sangat mengagumi ketokohan ulama Mesir iaitu Sayyid Qutb dan Taha Hussayn dalam melakukan reformasi pemikiran Islam. Oleh itu, pada tahun 1968, beliau mengambil keputusan untuk menyambung pengajian sambil bekerja. Beliau berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Universiti Kaherah pada tahun 1972 dengan keputusan yang cemerlang.

Seterusnya Abu Zayd meneruskan pengajian di peringkat sarjana selama lima tahun (1972-1977) di Universiti Kaherah. Beliau menerima biasiswa *Ford Foundation Fellowship* dari 1978-1979 untuk belajar di *Institute of Middle Eastern Studies*, Universiti Pennsylvania, Philadelphia, Amerika Syarikat. Sepanjang pengajian di Universiti Pennsylvania, beliau telah diselia oleh Tom Neff yang ketika itu merupakan pengarah *Institute of Middle Eastern Studies*. Universiti tersebut telah menawarkan banyak kursus dalam bidang sosiologi, antropologi, dan kajian budaya, beliau telah memilih untuk mengkaji tentang ilmu pentafsiran hermeneutik dan falsafah (Abu Zayd & Esther 2004: 142). Pengajian Abu Zayd di Amerika Syarikat telah memberi peluang kepada beliau untuk mendalami falsafah hermeneutik yang dipelopori oleh merupakan salah seorang tokoh hermeneutik Barat Hans-Georg Gadamer. Beliau berpendapat program pertukaran ini telah memberi manfaat yang besar kepada beliau kerana pemberian biasiswa yang membolehkannya tinggal dan belajar di Amerika Syarikat. Setelah selesai menjalani program pertukaran tersebut, beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Bahasa Arab dan Pengajian Islam pada tahun 1977 dengan tesis bertajuk *Al-Ittijah al-^cAqli fi al-Tafsir: Dirasah fi Qadiyyat al-Majaz fi al-Quran ^cinda al-Mu^ctazilah* (Abu Zayd & Esther 2004; George Tamer 2011). Seterusnya Abu Zayd telah menyambung pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pengajian Islam khusus kepada pengajian al-Quran iaitu konsep takwil Ibn Arabi di Universiti Kaherah. Beliau berjaya memperolehi PhD pada tahun 1981 dengan disertasi yang bertajuk *Falsafat al-Ta'wil: Dirasah fi Ta'wil al-Quran ^cinda Mu^hyi al-Din ibn al-^cArabi*. Disertasi PhD Abu Zayd telah diterbitkan pada tahun 1983 (Tamer 2011: 193). Beliau menegaskan pengajiannya di Amerika Syarikat telah memberi impak yang besar dalam proses pendidikan lanjutannya. Sepanjang tempoh pengajian di sana, beliau telah mempelajari pelbagai teori hermeneutik Barat dan berkesempatan untuk menyiapkan penulisan disertasi PhDnya (Nur Zainatul 2014; Abu Zayd & Esther 2004: 127).

Abu Zayd telah berguru dengan sebilangan besar tokoh-tokoh Muslim dan Barat. Menurut Carool Kersten (1998: 93) beliau merupakan anak murid kepada Hasan Hanafi. Beliau juga berguru dengan Prof. ‘Abd al-‘Aziz al-‘Ahlawi iaitu seorang pakar Pengajian Andalusia dan sastera klasik. Prof. ‘Abd al-‘Aziz telah menyelia disertasi beliau di peringkat M.A dan PhD (2004: 83). Selain itu, beliau mengagumi kelantangan ‘Ali ‘Abd al-Raziq dan karyanya berjudul *Islam wa Usul al-Hukm* (1952) dan meneliti kes yang telah berlaku kepadanya. Dalam bidang pengajian al-Quran, Abu Zayd mengagumi ketokohan Taha Husayn dan meneliti hasil karya Taha Husayn antaranya; buku berjudul *Fi al-Shi‘ri al-Jahiliy* yang mempersoalkan tentang ketulenan syair zaman pra-Islam. Selain itu, beliau turut mengkaji teori kritik sastera dalam pentafsiran al-Quran yang diperkenalkan oleh ‘Amin al-Khulli dan anak muridnya Muhammad ‘Ahmad Khalafallah.

b) Bingkisan Kerjaya

Pada tahun 1972, secara rasmi, Abu Zayd memulakan kerjaya akademik sebagai pembantu pensyarah di Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Sastera, Universiti Kaherah. Abu Zayd & Esther (2004: 75) sangat berbangga dengan pelantikan ini kerana beliau bercita-cita untuk menjadi seorang pengajar. Setelah memperoleh Phd, beliau telah dilantik sebagai Profesor Madya di Jabatan Bahasa Arab, Universiti Kaherah. Jika disingkap tentang keperibadian beliau sebagai seorang pendidik, Fauzi M. Najjar (2000: 178) menjelaskan beliau merupakan seorang pensyarah yang berwibawa, disenangi oleh pelajarannya. Selain itu, beliau turut dihormati oleh rakan pensyarah yang lain serta para sasterawan.

c) Rumusan Karya-karya

Abu Zayd telah menyalurkan idea pemikiran beliau melalui hasil penulisan. Hasil penulisan beliau terdapat dalam pelbagai bentuk seperti artikel, kertas kerja, wacana dan buku. Beliau telah menghasilkan karya dalam pelbagai bidang; teologi, falsafah, undang-undang, politik dankemanusiaan. Karya beliau tidak terhad kepada penulisan buku sahaja malah beliau juga menulis artikel-artikel yang diterbitkan di dalam pelbagai jurnal antarabangsa antaranya *Journal of Osaka University of Foreign Studies* dan *International Politics and Society, Herausgegeben von der Friedrich-Ebert-Stiftung*. Oleh itu, idea dan pemikiran beliau telah tersebar dan diterima baik oleh masyarakat barat dan pemikir Muslim yang sealiran dengan beliau (Nur Zainatul 2014). Artikel ini memilih hanya karya yang telah mencetuskan kontroversi kepada dunia Islam. Karya-karya Abu Zayd ini disusun dan diberi keutamaan berdasarkan kepada tahun penerbitan dan percetakan.

- i. *Al-Ittijah al-‘Aqli fi al-Tafsir: Dirasah fi Qadiyyat al-Majaz fi al-Quran ‘inda al-Mu‘tazilah* merupakan hasil daripada tesis peringkat MA Abu Zayd yang telah diterbitkan menjadi buku pada tahun 1983. Terjemahan tajuk ke bahasa Melayu berbunyi “*Aliran Tafsir Rasional: Satu Kajian Konsep Perlembagaan al-Quran Menurut Mu‘tazilah*”. Antara rumusan yang diperoleh menerusi kajian ini adalah setiap pihak yang terlibat cuba menegakkan ideologi sendiri dalam memahami makna al-Quran yang mana setiap pihak cuba menyesuaikan al-Quran dengan kepercayaan mereka sendiri. Beliau mendapati maksud sesuatu ayat sangat mudah untuk dimanipulasikan.
- ii. *Falsafat al-Ta’wīl: Dirāsah fi Ta’wīl al-Qur’ān ‘inda Muhyī al-Dīn ibn al-‘Arabī* merupakan tesis PhD Abu Zayd yang membincangkan tentang tafsiran sufi menurut Ibn Arabi. Dalam kajian tersebut, Abu Zayd menyentuh tentang

penerapan konsep moden ke atas al-Quran . Ibn Arabi mengumpul pelbagai unsur pemikiran daripada agama lain seperti Kristian, Yahudi dan Islam. Selain itu, kajian tersebut menyentuh tentang kemistikan, mimpi, rahsia dan cara menyimpannya, dan hukuman mendedahkan rahsia kepada mereka yang tidak bersedia.

- iii. *Maḥmū al-Naṣṣ: Dirāsah fī ‘Ulūm al-Qur’ān* edisi pertama diterbitkan pada tahun 1991 di Kaerah. Buku merupakan penelitian semula terhadap ilmu-ilmu berkaitan dengan al-Quran seperti takwil, *nash mansuh*, *asbab al-nuzul*, *makki madani*. Menurut beliau, sebelum mentafsirkan al-Quran , kita perlu mengkaji dan meneliti aturan-aturan yang mengawal pengkajian terhadap al-Quran. Tanpa kaedah ini, pentafsiran al-Quran akan terdedah kepada campur tangan ideologi pentafsir. Buku ini juga adalah untuk membuktikan gagasan ilmu *hermeneutik* Abu Zayd (Anis Malik Toha 2004:29). Beliau menganggap metode hermeneutik adalah metode yang terbaik untuk mentafsirkan al-Quran. Abu Zayd berhujah bahawa kebangkitan Islam yang disebut-sebut selama ini telah menghasilkan golongan yang membaca teks agama secara kaku dan literal (*harfiyyah*), bahkan sampai pada tahap pengingkaran terhadap tabiat manusia dan sejarahnya. Acuan pemikiran beliau berlandaskan kepada ‘akal’ (rasionalisme) dalam memahami teks agama. Tambah beliau, perkataan-perkataan yang terdapat dalam al-Quran bukanlah teks yang turun daripada langit dalam bentuk kata-kata sebenar seperti yang masih dipegang kukuh oleh ulama tradisional. Sebaliknya, beliau mendakwa bahawa perkataan-perkataan yang terdapat dalam al-Quran itu merupakan wahyu yang telah disaring oleh Nabi Muhammad SAW dan diungkapkan dalam pengucapan intelek berdasarkan kepada kemampuan linguistik baginda.
- iv. *Ishkālīyāt al-Qirā’ah wa ‘Āliyāt al-Ta’wīl* telah diterbitkan pada tahun 1995. Masih membicarakan tentang mekanisme takwil dalam *ulum al-Quran* yang berkisar tentang masalah pembacaan dan pentafsiran al-Quran daripada segi bahasa, sastera dan kritikan. Abu Zayd membincangkan aspek tersebut menurut pandang ulama *turath* seperti Sibawih dan Abd Qahir al-Jurjani dan teori tafsir moden. Beliau mengupas tentang teori *hermeneutik* dan kaitannya dengan tafsir al-Quran. Selanjutnya, dalam aplikasi pembacaan, beliau menjelaskan teori majaz dalam ilmu *Balaghah al-Arabiyyah* menurut pemikiran Abd al-Qahir al-Jurjani. Beliau menggabungkan ilmu *turath* dengan hermeneutik moden.
- v. *Naqd al-Khiṭāb al-Dīnī* adalah sebuah karya untuk membuktikan gagasan ilmu *hermeneutik* yang telah diperkenalkan oleh Abu Zayd. Beliau menganggap metode yang terbaik untuk mentafsirkan al-Quran adalah berasaskan logik. Abu Zayd mengkritik institusi–institusi Islam yang telah dibangunkan ulama silam. Oleh itu, beliau menjelaskan dalam rangka untuk memahami agama Islam, terutama agama yang mempunyai teks wahyu yang muktamad, ia harus bermula dengan menyelidik sifat teks tersebut. Tugas ulama adalah untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip hermeneutik terhadap teks dalam proses untuk memahami makna teks itu. Beliau mengaplikasikan kaedah linguistik, leksikologi dan semiotik terhadap teks untuk memahami maksud teks al-Quran.

Beliau menggunakan istilah *al-Khiṭāb al-Dīnī* (wacana Islam) dalam tajuk buku di atas bukannya *Pemikir Islam* kerana *wacana* merujuk kepada apa sahaja bentuk pengucapan atau penulisan, bahkan termasuk juga kelakuan sosial manakala pemikiran pula berkaitan dengan maksud yang dikehendaki. Wacana boleh merangkumi politik, keagamaan atau sosial yang berperanan menyampaikan pemikiran seseorang yang tidak kena mengena dengan niat pengarang. Buku ini meliputi tentang wacana agama, politik dan sosial. Beliau mengkritik Islam, oleh itu beliau dianggap berbahaya kepada agama, politik dan ekonomi. Buku ini dinilai oleh jawatankuasa Universiti Kaherah untuk proses kenaikan pangkat jawatan profesor. Malah buku ini turut penyebab kepada tuduhan murtad.

- vi. *al-Naṣṣ, al-Sulṭah, al-Haqīqah* diterbitkan selepas pasca 1995. Buku ini adalah hasil daripada himpunan artikel-artikel Abu Zayd yang membincangkan tentang al-Quran dan aplikasi terbaik untuk mentakwilkan ayat-ayat al-Quran. Beliau masih mengulas tentang ilmu *hermeneutik*. Dalam buku ini beliau menambah tentang kebangkitan masyarakat untuk menerima ilmu *hermeneutik* sebagai salah satu ilmu yang penting kepada pentafsiran al-Quran. Buku ini telah diterjemahkan kepada bahasa Inggeris dengan judul *Text, Authority and the Truth*.
- vii. *Rethinking the Al-Quran: Towards a Humanistic Hermeneutics* telah diterbitkan pada tahun 2004 oleh Humanistics University Press. Buku ini menjelaskan tentang konsep *hermeneutik* dalam mendekati al-Quran daripada sudut pandangan kemanusiaan, dimana konsep keadilan al-Quran dan latar belakang sejarah diambil kira untuk memahami al-Quran.
- viii. *Reformation of Islamic Thought: A Critical Historical Analysis* telah diterbitkan pada tahun 2006 oleh Amsterdam University Press. Buku ini menghimpunkan pemikir-pemikir Islam Moden Mesir, Irandan Indonesia. Mereka telah menterjemahkan bentuk pemikiran mereka tentang Islam dan juga tafsiranyang radikal dan legalistik tentang ayat al-Quran dan al-Sunnah. Buku ini membincangkan pendekatan yang berbeza yang dibawa oleh pemikir Islam seperti al-Afghani, Muhammad Arkoun, Abdullah al-Na'im, Riffat Hassan, Tariq Ramadan dan Nasr Abu Zayd. Buku ini mengupas cabaran yang telah dihadapi oleh Islam berkaitan dengan cabaran umat Islam bermula pada abad ke 19 hingga abad ke 20 iaitu selepas peristiwa 11 September 2001.

PERBINCANGAN: ANALISIS SUMBER RUJUKAN KARYA

Abu Zayd mempunyai sumber rujukan yang tertentu ketika membina pemikiran *humanistic* beliau. Ketika membicarakan konsep *tafsir*, Abu Zayd telah mengkritik beberapa rujukan daripada *turats* Islam seperti kitab *Jami al-Bayan fi Ta'wil 'Ayy al-Quran* karya Ibn Jarir al-Tabari, *al-Itqan fi 'Ulum al-Quran* karya al-Suyuti, *al-Ru'yah wa al-Adah* karya 'Abd al-Muhsin Taha Badr, *Nadzariyah al-Ta'bir Muhawalah li al-Tashil* karya Jabir 'Asfur, dan *Muqaddimah fi Nazariyat al-'Adab* karya 'Abd al-Mun'im Talimah .

Abu Zayd menjadikan karya sarjana barat sebagai sumber rujukan teori sastera dan linguistik. Abu Zayd mengkaji teori sastera oleh sarjana barat antaranya Schleiermacher (1768-1834) yang dikenali pula sebagai “Bapa Hermeneutik Moden”, Wilhelm Dilthey (1833-1911), Martin Heidegger (1889-1976) dengan Hermeneutik dialektiknya, Hans-Georg Gadamer (1900-2002). Abu Zayd telah mengambil teori hermeneutik yang diperkenalkan oleh Gadamer kerana pemikirannya yang sangat berbeza daripada teori-teori hermeneutik sebelumnya. Selepas mengkaji Gadamer, Abu Zayd telah mengkaji sarjana-sarjana selepasnya seperti Jurgen Habermas (L: 1929) dengan hermeneutik kritik, Paul Ricoeur (L:1913). Abu Zayd bahkan turut mengkaji tokoh-tokoh lain yang sangat kontroversi seperti Friedrich Nietzsche (1844-1900) (Nur Zainatul Nadra 2015).

Sementara itu, Abu Zayd merujuk karya-karya hermeneutik seperti *Hermeneutics* karya Richard E. Palmer, *A Short History of Interpretation for the Bible* karya Grant Robert M, *Introduction to Literary Hermeneutics* karya Peter Szondi, *Verstehen: Subjective Understanding in the Sosial Sciences* karya Mersello Liuzzi, *On the Special Character of the Human Sciences in Verstehen* karya Dilthey, *Haedeger's Later Philosophical Hermeneutics* dan *Truth and Method* keduanyakarya George Hans Gadamer, dan *Hermeneutics Philosophy and the Sisiology of Arts* karya Janet Wolf (Nur Zainatul Nadra 2015).

Berdasarkan kepada sumber-sumber yang menjadi rujukan Abu Zayd dalam pengajian tentang al-Quran adalah bersumberkan teori daripada barat seperti teori linguistik dan kritik sastera. Sementara teori hermeneutik yang diperkenalkan kepada al-Quran berasal daripada teori kritik Bible.

PANDANGAN SARJANA TENTANG PEMIKIRAN ABU ZAYD

Kajian Peter Matthews Wright (2008) menjelaskan aplikasi hermeneutik kepada al-Quran dapat menggali wahyu Allah yang ingin disampaikan kepada manusia. Salah satu daripada aplikasi tersebut seperti yang telah dilakukan oleh Abu Zayd. Sementara Katharina Völker (2011) telah menyimpulkan Abu Zayd telah melakukan reformasi terhadap al-Quran seperti yang telah dilakukan oleh Fazlur Rahman dan Muhammad Arkoun. Dalam perkara ini, sarjana barat telah mengiktiraf kajian yang dilakukan terhadap al-Quran merupakan satu reformasi baru.

Manakala sarjaan Muslim menjelaskan hermeneutik telah menghasilkan bentuk tafsir yang relatif. Tafsiran relatif ialah tafsiran yang tidak tetap yang boleh berubah mengikut keadaan/konteks semasa seperti tafsiran larangan poligami adalah disebabkan keadaan semasa yang boleh menimbulkan ketidakadilan kepada isteri dan anak-anak. Tafsiran Abu Zayd termasuk dalam *tafsir bi al-ra'y* yang ditolak (*mazmum*) kerana pentafsiran al-Quran yang dibuat berdasarkan akal, hawa nafsu, tanpa dalil dan dikira menyeleweng daripada maksudnya yang sebenar. Manakala metode tafsir al-Quran yang diperkenalkan oleh Abu Zayd termasuk dalam kategori penyelewengan tafsir al-Quran (al-Khalidi 2010: 414; Mazlan Ibrahim & Achmad Yaman 2010).

Human-oriented yang telah dilakukan oleh Abu Zayd kepada al-Quran dan proses pentafsiran telah memberi implikasi yang besar terhadap *tasawwur turath* Islam sehingga telah melahirkan pelbagai pemikiran yang jelas tidak selari dengan Islam. Antaranya lahir pemikiran *liberalisme* dan *feminisme* yang terlalu menguduskan manusia dan meletakkan

akal manusia sebagai syarat utama dalam timbangan untuk menerima al-Quran (Muhibuddin Hassan 2013). Atas nama *human right* (hak asasi manusia) maka hawa nafsu manusia diangkat setinggi-tinggi melebihi segalanya (Mohd Gunawan 2014: 32).

PENUTUP

Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan, Abu Zayd telah menghasilkan karya yang membincangkan tentang teori-teori hermeneutik, kritik sastera dan semiotik ke atas al-Quran. Malah analisis sumber rujukan karya juga menunjukkan Abu Zayd mendominasi rujukan daripada tokoh-tokoh barat dalam bidang kritik Bible. Malah beliau tidak bersetuju dengan metode yang telah disepakati oleh mufassir. Justeru, metode yang diketengahkan oleh Abu Zayd ditolak (*mazmum*) kerana pentafsiran al-Quran yang dibuat berdasarkan akal, hawa nafsu, tanpa dalil dan dikira menyeleweng daripada maksudnya yang sebenar. Namun, idea Abu Zayd disanjung oleh masyarakat Barat dengan diberikan penghormatan dan pemikiran beliau telah diterima baik oleh mereka dan golongan yang sehaluan dengan beliau.

Kajian ke atas karya dan sumber rujukan karya merupakan satu kajian yang penting untuk mengetahui aliran pemikiran tokoh. Manakala kajian terhadap pemikiran moden ke atas al-Quran perlu dilakukan bagi mengelak timbulnya tafsiran baru bersifat relatif yang mementingkan konteks semasa sahaja sehingga memberi implikasi kepada masyarakat umum. Oleh itu, saranan kepada pihak berkuasa khusus kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam bagi setiap negeri-negeri di Malaysia untuk berganding bahu membendung segala bentuk pemikiran yang boleh merosakkan akidah dan kepercayaan masyarakat umum. Malah, disarankan juga kepada JAKIM dan Majlis Agama Islam negeri untuk memantau karya-karya yang mengandungi aliran pemikiran yang terpesong daripada ajaran Islam. Justeru, karya-karya Abu Zayd yang mengandungi kerancuan pemikiran tidak boleh disebar luas kepada masyarakat. Oleh itu, sekatan kepada karya mirip sedemikian perlu dilakukan agar dapat membendung penyebarannya kepada masyarakat umum.

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan kajian yang dibiayai Geran Penyelidikan Jangka Pendek (Short Term Grant) Vot. No. U537 oleh Pusat Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersialan & Pengurusan Konsultasi (ORICC), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

RUJUKAN

- Abu Zayd, Nasr Hamid. (1994). *Naqd al-Khitāb al-Dīnī*. Cet. KeEmpat, Kaherah: al-Markaz al-Saqafi al-‘Arabi.
- Abu Zayd, Nasr Hamid (2000a) *Mafhūm al-Nass: Dirāsahfī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Cairo: al-Markaz al-Saqafi al-‘Arabi.
- Abu Zayd, Nasr Hamid (2000b) “Divine attribute in the Quran: Some Poetic Aspects”, *Islam and Modernity: Muslim Intellectuals Respond*, ed. John Cooper, Ronald L. Nettler, and Mohamed Mohmoud. London & New York: I. B. Tauris Publishers.
- Abu Zayd, Nasr Hamid (2000c) *Al-Khitab wa al-Ta’wil*. Beirut: al-Markaz al-Saqafi al-‘Arabi.
- Abu Zayd, Nash Hamid (2004) *Isykalīyyat al-Qira’at wa Alliyat al-Ta’wil*. (terj) Muhammad Manshur. Yogyakarta: LkiS.

- Abu Zayd, Nasr Hamid & Esther R. Nelson (2004) *Voice of an Exile: Reflections on Islam*. New York: Praeger Publishers.
- Abu Zayd, Nasr Hamid (1999) *Dawair al-Khauf: Dirasah fi khitab al-Mar'ah*. Cairo: al-Markaz al-Saqafi al-'Arabi.
- Fazlur Rahman (1979) *Islam: Philosophy and Orthodoxy*. University of Chicago Press.
- Hirschkind, Charles. 1998. Heresy or Hermeneutics: The Case of Nasr Hamid Abu Zayd. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 12:4.
- Al-Khalidi, Sollah 'Abd al-Fattah (2010) *Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufasssin*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Kermani, Navid (1996) From Revelation To Interpretation: Nasr Hamid Abu Zayd And The Literary Study Of The Quran. Judul asalnya *Offenbarung als Kommunikation. Das Konzeptwahrheit in Nasr Hamid Abu Zayds 'Maqhum al-nass'*, Frankfurt am Main, 169-192.
- Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Fadlan Mohd Othman. 2012. *Islam Liberal :Isu dan Reaksi*. Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor
- Mohd Gunawan Che Aziz (2014) Apabila Manusia Bertuhankan Diri Sendiri. ZihinMukmin. Majalah Dakwah Mac/April 2014.
- Muhibuddin (2013) *Tafsir dan Teori hermeneutik al-Qur'an Menurut Nasr Hamid Abu Zayd*. Tesis Ijazah DoktorFalsafah (tidak diterbitkan) Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Najjar, M. Fauzi (2000) Islamic Fundamentalism And The Intellectuals: The Case of Nasr Hamid Abu Zayd. *British Journal of Middle Eastern Studies*. 27 (2): 177-200.
- Nur Zainatul Nadra, Latifah Abdul Majid, Shah Rul Anuar Nordin& Sharifah Khadijah Syed Abu Bakar. 2015. Perjuangan Feminis Muslim Terhadap Golongan Homoseksual: Kajian Kritikan Menurut Perspektif Islam. *Seminar Antarabangsa Kelastarian Insan (INSAN 2015)*, 19-20 Oktober 2015, Royale Bintang Hotel & Spa, Seremban.
- Wright, Peter Matthews (2008) *Modern Qur'anic Hermeneutics*. TesisPhd (tidak diterbitkan) Chapel Hill, Universiti North Carolina.
- Zainol, N. (2015). *Konsep Adalah dan Musawah Menurut Pemikiran Nasr Hamid Abu Zayd*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.